

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 15.04.2026 MASA: 06.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NAIK TARAF KEMUDAHAN
AWAM KOLAM TAMAN PERAI & MBSP SANTUNI
KOMUNITI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 APRIL 2026 (AHAD)
9.35 PAGI**

**KOLAM TAMAN PERAI, TAMAN PERAI UTAMA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/I Somu

EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar

Yang Berusaha Encik Ponnudurai A/I Anthony Srinvasagam

Ahli Majlis MBSP Merangkap Penyelaras Bersama

Majlis Perasmian Naik Taraf Kemudahan Awam Taman Perai &

MBSP Santuni Komuniti

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tpr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras

MBSP Santuni Komuniti

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pengerusi-Pengerusi

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Kawasan Rukun Tetangga

dan Masjid Jamek Perai

Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang

dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam satu majlis yang penuh bermakna dan sarat dengan nilai kemasyarakatan, iaitu **Majlis Perasmian Naik Taraf Kemudahan Awam Kolam Taman Perai & MBSP Santuni Komuniti**.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu; Encik Ponnudurai A/L V Anthony Srinvasagam; dif-dif jemputan;** rakan-rakan media; serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi hadir bersama-sama bagi menyempurnakan majlis kita pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Majlis pada pagi ini merupakan **detik yang amat signifikan** buat MBSP kerana kita melancarkan dua inisiatif penting dan berimpak tinggi demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan

warga Seberang Perai. Inisiatif tersebut adalah **perasmian Naik Taraf Kemudahan Awam Kolam Taman Perai**, dan penganjuran **MBSP Santuni Komuniti** yang mendekatkan MBSP dengan masyarakat. Kehadiran Yang Berhormat EXCO Perumahan dan Alam Sekitar pada majlis ini juga menyerlahkan sokongan padu Kerajaan Persekutuan dan Negeri terhadap usaha-usaha MBSP ini.

4. Untuk makluman hadirin, projek naik taraf Kolam Taman Perai ini telah direalisasikan melalui peruntukan MBSP berjumlah RM100,000 yang melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan serta penambahbaikan kemudahan awam sedia ada. Usaha ini diperkukuh lagi dengan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri (ICU) sebanyak RM100,000 bagi penyediaan kemudahan rekreasi dan taman permainan yang lebih selamat, moden dan inklusif.
5. Projek ini merangkumi penambahbaikan laluan pejalan kaki, pemasangan kemudahan senaman, penaiktarafan taman permainan kanak-kanak serta kerja-kerja penyelenggaraan perabot taman bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat, selesa dan mesra keluarga.
6. Apa yang lebih membanggakan, projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, sekali gus membuktikan kecekapan pelaksanaan serta komitmen tinggi semua pihak termasuk kontraktor

dan agensi terlibat dalam memastikan kemudahan ini dapat dinikmati oleh rakyat dengan segera.

7. Inisiatif ini membuktikan bahawa apabila kerajaan tempatan dan persekutuan berganding bahu, hasilnya bukan sahaja dapat dilihat pada fizikal pembangunan, tetapi juga dirasai melalui peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat.
8. Sesungguhnya, kemudahan ini bukan sekadar ruang rekreasi, tetapi merupakan nadi kehidupan komuniti; tempat lahirnya interaksi, kesihatan dan keharmonian yang akan membentuk generasi Seberang Perai yang lebih sejahtera.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Selain perasmian naik taraf kemudahan awam Kolam Taman Perai, MBSP pada hari ini turut menganjurkan MBSP Santuni Komuniti, sebagai inisiatif berterusan untuk mendekati masyarakat melalui pendekatan turun padang yang lebih mesra, terbuka dan inklusif.
10. **Antara objektif utama** program Santuni Komuniti ini adalah untuk memupuk semangat kebersamaan komuniti dalam kalangan penduduk setempat, mengeratkan hubungan silaturahim antara MBSP dan masyarakat, serta memperkukuhkan perpaduan kaum yang harmoni.

11. Bagi mencapai matlamat tersebut, **pelbagai aktiviti telah diatur** merangkumi elemen kebajikan, kesedaran, khidmat masyarakat dan kekeluargaan. Antaranya sesi libat urus, kaunter perkhidmatan, aktiviti kemasyarakatan serta program kekeluargaan yang melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, perkhidmatan agensi kerajaan dan pelbagai pameran.
12. Pihak MBSP sentiasa percaya bahawa komuniti setempat adalah rakan strategik dalam pembangunan bandar. Kejayaan sesebuah kawasan tidak hanya bergantung kepada dasar dan pelaksanaan, tetapi juga kepada kekuatan hubungan strategik antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat.
13. Untuk makluman semua, **Program Santuni Komuniti pada hari ini mensasarkan penglibatan kira-kira 500 orang penduduk setempat** dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk zumba, pertandingan mewarna, pertandingan sepakan penalti, pertandingan boling kelapa serta sukaneka rakyat yang mampu menyemarakkan semangat kekeluargaan dan kebersamaan.

Hadirin yang saya hormati,

14. **Harapan saya**, agar kemudahan yang dinaik taraf ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat, bukan sahaja sebagai tempat rekreasi, tetapi sebagai pusat penyatuan komuniti yang hidup, progresif dan berdaya tahan. Saya juga berharap agar semangat

kebersamaan ini akan terus diperkukuh, seterusnya menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang bukan sahaja maju, tetapi juga tinggi nilai kemanusiaannya.

15. Inisiatif melalui Naik Taraf Kemudahan Awam Kolam Taman Perai dan MBSP Santuni Komuniti ini selari dengan aspirasi Visi Penang2030 ke arah negeri yang berorientasikan keluarga, hijau, pintar dan inklusif, serta mendukung gagasan Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan dan keihisan dalam pembangunan negara. MBSP kekal komited dan proaktif untuk terus memainkan peranan merealisasikan dasar dan aspirasi kerajaan demi kebaikan rakyat.
16. **Sebelum mengakhiri ucapan,** saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan dan Alam Sekitar yang sudi bersama-sama kita pada pagi ini untuk menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis pada hari ini. Komitmen dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan semua amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.